Vol. 26 No. 2 (2026) Jurnal al- Sirat
https://doi.org/10.64398/ alsirat.v26i2.608

No. 02 Vol. 26 (2026)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.uniqsaas.edu.my/

PERANAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG DALAM MEMPERKASA PROFESION PEGUAM SYARIE MENURUT PERSPEKTIF *FIQH AL-WATAN* DAN *MAQĀṢID AL-SYARĪ'AH*

THE ROLE OF THE PAHANG ISLAMIC RELIGIOUS AND MALAY CUSTOMS COUNCIL IN EMPOWERING THE SYARIAH LEGAL PROFESSION FROM THE PERSPECTIVES OF FIQH AL-WATAN AND MAQĀṢID AL-SYARĪ'AH

Abdul Halim Abdul Karim[1], Nurul Syuhadah Azalan[1], Nur Bahirah Baharum[1], Nurul Nadia Brahanuddin[1] dan Nurul Athirah Mohd Azmi[1]

[1] Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang, Malaysia

Abstrak

Profesion Peguam Syarie merupakan komponen penting dalam sistem keadilan syariah, manakala Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) merupakan institusi yang bertanggungjawab mengawalselia profesion tersebut. Pada masa kini, MUIP masih belum mempunyai sistem pengurusan perkhidmatan peguam syarie yang bersepadu dan digital, sekali gus penyampaian maklumat serta penilaian prestasi secara sistematik. Kajian ini bertujuan menganalisis peranan MUIP dalam memperkasa profesion Peguam Syarie di Pahang berdasarkan perspektif *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan, dengan data dikumpulkan daripada analisis dokumen, buku, artikel jurnal, enakmen, statut dan laman sesawang berkaitan. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan bagi mengenal pasti tema berkaitan. Dapatan menunjukkan bahawa MUIP berperanan bukan sahaja dalam penerimaan, pentauliahan dan kawal selia, tetapi juga dalam memperkasa kompetensi, integriti, profesionalisme dan kualiti perkhidmatan Peguam Syarie. Pemerkasaan ini berteraskan konteks kesultanan, syariat dan adat Pahang serta prinsip *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan amanah, keadilan dan kemaslahatan. Kajian mencadangkan MUIP memperkukuh pembangunan profesional, etika, integriti dan pendigitalan tadbir urus bagi membentuk profesion Peguam Syarie yang kompeten, berintegriti dan responsif demi pengukuhan keadilan syariah dan kemaslahatan masyarakat.

Kata kunci: Peguam Syarie, MUIP, *Fiqh al-Watan*, *Maqāṣid al-Syarī'ah*, tadbir urus.

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Ogos 2026
Disemak: 30 September 2026
Diterbit: 30 Oktober 2026

*Corresponding Author:
Abdul Halim Abdul Karim, Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang, Malaysia
Email:
abdhalim@uniqsaas.edu.my

Abstract

The Syariah Lawyer profession is an important component of the Syariah justice system, while the Islamic Religious and Malay Customs Council of Pahang (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, MUIP) is the institution responsible for regulating the profession. At present, MUIP does not yet have an integrated and digital management system for Syariah legal services, resulting in limitations in systematic information dissemination and performance evaluation. This study aims to analyse the role of MUIP in empowering the Syariah Lawyer profession in Pahang from the perspectives of Fiqh al-Watan and Maqāṣid al-Syarī'ah. The study employs a qualitative approach through library research, with data collected from the analysis of relevant documents, books, journal articles, enactments, statutes, and websites. The data were analysed using content analysis to identify relevant themes. The findings indicate that MUIP plays a role not only in the admission, accreditation, and regulation of Syariah Lawyers, but also in enhancing their competence, integrity, professionalism, and quality of service. This empowerment is grounded in the context of the Pahang Sultanate, Shariah, and Malay customs, as well as the principles of Maqāṣid al-Syarī'ah, which emphasise trustworthiness, justice, and public interest. The study recommends that MUIP strengthen professional development, ethics, integrity, and the digitalisation of governance to establish a competent, integrity-driven, and responsive Syariah Lawyer profession, thereby contributing to the strengthening of Syariah justice and the well-being of society.

Keywords: *Syarie Lawyers, MUIP, Fiqh al-Watan, Maqaṣid al-Syari'ah, governance.*

PENGENALAN

Tahun 2026 merupakan detik bersejarah bagi Negeri Pahang dengan sambutan 556 tahun Kesultanan dan Peradaban Islam Pahang (1470–2026). Kesinambungan sejarah tersebut bukan sekadar memperlihatkan kelangsungan institusi Kesultanan Melayu Pahang, bahkan mencerminkan tradisi pemerintahan yang menghubungkan syariat, adat resam dan kedaulatan Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Negeri. Dalam konteks pentadbiran Islam negeri, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) merupakan antara institusi utama yang membantu Raja Pemerintah dalam mengurus dan mentadbir hal ehwal agama Islam serta adat resam Melayu.

Kedudukan MUIP berasaskan kerangka perundangan negeri yang jelas. Perkara 24(1) Bahagian I Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang memperuntukkan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bagi membantu dan menasihati Raja Pemerintah dalam hal ehwal agama Islam dan adat resam Melayu (Rosele et al., 2018). Kedudukan ini diperkukuh melalui seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang yang memperbadankan MUIP sebagai suatu pertubuhan perbadanan (Kerajaan Negeri Pahang, 1991; MUIP, n.d.).

Salah satu bidang penting dalam ruang lingkup pentadbiran dan pengawalseliaan MUIP ialah profesion Peguam Syarie. Profesion ini merupakan komponen penting dalam sistem kehakiman syariah kerana berperanan mewakili pihak-pihak dalam prosiding serta membantu memastikan hak dan kepentingan pihak yang berlitigasi dipelihara melalui prinsip perwakilan guaman dalam prosiding

perundangan. Keberkesanan profesion Peguam Syarie bukan sahaja bergantung kepada kelayakan dan kompetensi individu, malah turut dipengaruhi oleh keberkesanan sistem kawal selia, pembangunan profesional, integriti dan tadbir urus institusi yang bertanggungjawab terhadap profesion tersebut.

Walaupun pelbagai kajian mengenai profesion peguam syarie di Malaysia telah membincangkan aspek kedudukan perundangan, kelayakan, pelantikan, etika dan cabaran pengawalseliaan, namun penelitian yang menghubungkan peranan institusi agama negeri dengan pemerkasaan profesion peguam syarie melalui kerangka *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* masih terhad. Sedangkan kekurangan ini penting dan perlu diberi perhatian kerana dalam konteks negeri Pahang, peranan MUIP tidak terpisah daripada tradisi kesultanan, syariat dan adat resam Melayu yang membentuk identiti watan. Oleh itu, pengawalseliaan dan pembangunan profesion peguam syarie bukan semata-mata persoalan pentadbiran, tetapi turut berkaitan dengan usaha memperkukuh institusi kehakiman syariah, memelihara agama dan hak masyarakat serta merealisasikan kemaslahatan dalam kehidupan bernegeri.

Dalam kerangka *Fiqh al-Watan*, institusi agama merupakan sebahagian daripada struktur yang menyokong kedaulatan, keharmonian dan kesejahteraan watan melalui pelaksanaan tanggungjawab berasaskan syariat, adat dan maslahat. Sementara itu, *Maqāṣid al-Syarī'ah* menyediakan kerangka untuk menilai sejauh mana dasar dan tindakan institusi menghasilkan maslahat serta menghindarkan mafsadah.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis peranan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dalam memperkasa profesion peguam syarie menurut perspektif *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Perbincangan memberi tumpuan kepada asas perundangan dan kedudukan MUIP dalam pembangunan dan pengawalseliaan profesion serta penilaian terhadap pemerkasaan profesion tersebut berdasarkan prinsip *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Fiqh al-Watan merupakan pendekatan yang menghubungkan prinsip akidah, syariat, adat dan tadbir urus dalam membangunkan sebuah watan yang berdaulat, harmoni dan sejahtera. Dalam konteks negeri Pahang, gagasan ini mempunyai hubungan yang erat dengan sejarah 556 tahun Kesultanan dan Peradaban Islam Pahang serta keterikatan antara kesultanan, adat resam dan institusi agama. Pelaksanaan *Fiqh al-Watan* turut menuntut institusi agama negeri melaksanakan amanah pemerintahan berasaskan syariat, keadilan dan maslahat masyarakat selaras dengan prinsip *siyasah syar'iyyah* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah.*

Dalam kerangka tersebut, profesion peguam syarie merupakan salah satu komponen penting dalam memperkukuh sistem kehakiman Islam dan menjamin akses kepada keadilan. Peguam syarie bukan sahaja berperanan sebagai wakil pihak yang berlitigasi, bahkan turut menyumbang kepada pemeliharaan agama, harta, keturunan dan hak masyarakat. Oleh itu, pemerkasaan profesion ini perlu dilihat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab institusi agama negeri dalam merealisasikan maslahat dan objektif syariah.

Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengurusan dan tadbir urus profesion peguam syarie di Malaysia masih berhadapan dengan isu ketidakseragaman antara negeri. Peruntukan berkaitan profesion peguam syarie adalah tertakluk kepada kaedah dan peraturan yang ditetapkan oleh negeri masing-masing, menyebabkan terdapat perbezaan dari segi struktur serta

keahlian Jawatankuasa Peguam Syarie. Ketidakseragaman tersebut turut dapat dilihat dalam aspek pengurusan dan pendaftaran firma guaman syarie. Kajian Hammad Mohamad Dahalan et al. (2022) mendapati bahawa Kaedah-Kaedah Peguam Syarie negeri-negeri secara umumnya tidak memperincikan amalan pendaftaran firma guaman syarie dan masih terdapat negeri yang tidak mempunyai garis panduan yang jelas berkaitan perkara tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa mekanisme pengurusan dan pengawalseliaan profesion peguam syarie masih memerlukan penambahbaikan supaya dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan berkesan.

Dalam konteks negeri Pahang, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) mempunyai kedudukan strategik dalam mengawal selia profesion peguam syarie berdasarkan Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 Negeri Pahang yang dibuat di bawah subseksyen 66(2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang. Pada masa kini, melalui Jawatankuasa Peguam Syarie, MUIP terlibat dalam aspek kursus, temuduga, peperiksaan, pelantikan, pembaharuan dan penggantungan sijil amalan serta tatatertib peguam syarie. Peranan ini menunjukkan bahawa MUIP bukan sekadar berfungsi sebagai badan pentauliahan, namun turut bertanggungjawab membentuk peguam syarie yang kompeten.

Walaupun kajian terdahulu berkaitan profesion peguam syarie banyak membincangkan aspek perundangan, kelayakan, pelantikan, etika dan kawal selia, namun penelitian terhadap peranan institusi agama negeri dalam memperkasakan profesion peguam syarie melalui kerangka *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* masih terhad. Dalam konteks negeri Pahang, peranan MUIP dalam tadbir urus dan pemerkasaan profesion peguam syarie bagi menjamin integriti, kualiti perkhidmatan dan kemaslahatan masyarakat masih belum diteliti secara mendalam.

Keperluan penelitian ini turut didorong oleh cabaran pengurusan semasa. Pengurusan perkhidmatan berkaitan peguam syarie masih memerlukan penambahbaikan dari aspek pendigitalan, penyampaian maklumat, pemantauan, pembangunan kompetensi dan penilaian kepuasan pengguna. Ketiadaan mekanisme penilaian kepuasan yang sistematik dalam kalangan peguam syarie juga boleh mengehadkan keupayaan MUIP mengenal pasti keperluan, kelemahan dan ruang penambahbaikan perkhidmatan. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada suatu pendekatan pengurusan yang lebih responsif, berasaskan data dan berorientasikan maslahat.

Justeru, terdapat keperluan untuk meneliti semula peranan dan mekanisme MUIP dalam memperkasa profesion peguam syarie di Pahang, bukan sahaja dari sudut pematuhan kepada kerangka perundangan, tetapi juga dari aspek tadbir urus, kompetensi, integriti, kualiti perkhidmatan dan keperluan masyarakat. Penelitian berdasarkan perspektif *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* adalah penting bagi memastikan usaha pemerkasaan profesion tersebut selaras dengan konteks institusi, sejarah dan realiti masyarakat Pahang serta berupaya menghasilkan kemaslahatan yang lebih menyeluruh.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif bagi kajian ini:

1. Meneliti kedudukan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) sebagai institusi yang mengawal selia profesion peguam syarie di Negeri Pahang dalam aspek perundangan.

2. Menganalisis pemerkasaan profesion peguam syarie oleh MUIP berdasarkan perspektif *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan dan analisis dokumen untuk meneliti peranan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dalam memperkasa profesion peguam syarie berdasarkan perspektif *Fiqh al-Waṭan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

Data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada enakmen, statut, kaedah dan peraturan peguam syarie serta dokumen rasmi MUIP. Sumber sekunder pula meliputi buku, artikel jurnal, tesis dan sumber ilmiah berkaitan MUIP, institusi agama negeri, profesion peguam syarie, *Fiqh al-Waṭan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Laman sesawang rasmi turut dirujuk bagi mendapatkan maklumat berkaitan fungsi dan perkhidmatan semasa.

Data dianalisis melalui analisis kandungan dan induktif bagi mengenal pasti tema utama seperti asas perundangan, pengawalseliaan, kompetensi, integriti, etika dan tadbir urus. Tema tersebut seterusnya diteliti berdasarkan kerangka *Fiqh al-Waṭan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* bagi menilai sumbangan MUIP terhadap pemerkasaan profesion Peguam Syarie serta kemaslahatan masyarakat di Pahang.

SOROTAN LITERATUR

Majlis Agama Islam Negeri sebagai Institusi Tadbir Urus Hal Ehwal Islam

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai institusi utama tadbir urus hal ehwal Islam dalam meneliti asas sejarah dan perundangan penubuhan MUIP dalam konteks Kesultanan Pahang. Berdasarkan kajian Nasohah (2004), asas sejarah sistem perundangan Islam telah wujud sebelum penjajahan, termasuk melalui Hukum Kanun Pahang. Selain itu, kajian Nasohah (2012) juga menjelaskan tentang proses penginstitusian pentadbiran Islam melalui enakmen negeri, termasuk penubuhan MAIN sebagai badan autoritatif dalam hal ehwal Islam.

Manakala, kajian Rosaidi et al. (2026) memperkukuh perspektif tersebut dengan menunjukkan bahawa MAIN berkembang sebagai institusi tadbir urus yang merangkumi aspek zakat, baitulmal, masjid, pendidikan Islam dan pentadbiran agama. Sementara itu, kajian Dimon (2023) menegaskan bahawa struktur tersebut berakar pada kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam. Dalam konteks Pahang, kajian Zurita et al. (2025) menunjukkan kesinambungan tradisi syariah dan perundangan Islam Pahang daripada era Kesultanan sehingga pentadbiran moden.

Dari sudut penubuhan MUIP, asas institusinya dapat dikesan pada Perkara 24 (1) Bahagian I Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang, yang memperuntukkan Raja Pemerintah sebagai Ketua Agama Negeri dan membolehkan penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu bagi membantu serta menasihati Raja Pemerintah dalam perkara agama dan adat resam Melayu. Peruntukan tersebut kemudiannya diterjemahkan secara lebih khusus melalui Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, yang memperbadankan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sebagai sebuah pertubuhan perbadanan.

Profesion Peguam Syarie

Menurut Adil (1997), perkembangan profesion peguam syarie berasal daripada tradisi perwakilan dalam sistem kehakiman Islam yang telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW melalui konsep *wakālah*. Konsep *wakālah* ini semakin berkembang pada zaman para sahabat, khususnya Saidina ʿAli RA melalui pelantikan individu seperti ʿUqayl bin Abi Talib dan ʿAbdullah bin Jaʿfar untuk menguruskan urusan tertentu.

Dalam konteks Malaysia, perkembangan tersebut telah melahirkan profesion peguam syarie sebagai suatu profesion profesional dalam sistem kehakiman Syariah**.** Peguam syarie berperanan mewakili pihak-pihak dalam prosiding Mahkamah Syariah, membantu mengemukakan hujah, tuntutan dan pembelaan serta memastikan hak dan kepentingan anak guam dipelihara. Kajian Dahalan et al. (2019) menunjukkan bahawa perkembangan tersebut berjalan seiring dengan perubahan sistem kehakiman Islam di Malaysia, namun masih wujud isu ketidakseragaman dari aspek pengurusan dan pelaksanaan profesion antara negeri.

Perkembangan profesion ini turut memperlihatkan peralihan daripada konsep perwakilan tradisional kepada profesion yang mempunyai struktur kawal selia secara formal**.** Kajian Bakar (2003), Nurul Farhanah Yahya et al. (2020) dan Dahalan et al. (2022) menunjukkan bahawa isu kelayakan, pendaftaran, komposisi jawatankuasa, pengurusan firma dan tatakelola masih berbeza antara negeri. Keadaan ini menunjukkan bahawa perkembangan profesion peguam syarie bukan sahaja memerlukan pengiktirafan dari sudut hukum, tetapi juga memerlukan mekanisme perundangan dan institusi yang jelas bagi menjamin standard profesionalisme**.**

Dalam konteks negeri Pahang, kewujudan profesion peguam syarie moden tidak wajar dilihat sebagai suatu fenomena yang terpisah daripada perkembangan sejarah perundangan Islam negeri Pahang. Sebaliknya, fasa perkembangan guaman syarie dapat ditelusuri kepada tradisi kehakiman dan perundangan Islam yang berkembang sejak era Kesultanan Pahang. Hukum Kanun Pahang (HKP), sebagai salah satu manifestasi awal perundangan Islam di Pahang, memperlihatkan penerapan prinsip-prinsip syariah dalam pengaturan kehidupan masyarakat dan penyelesaian pertikaian, di samping menonjolkan kedudukan Sultan sebagai autoriti tertinggi dalam pemerintahan dan pelaksanaan hukum.

Menurut El-Muhammady & Asma Hakimah (2019), penelitian terhadap HKP menunjukkan penerapan pelbagai prinsip Islam, antaranya ketaatan kepada Sultan sebagai pemerintah tertinggi yang berasaskan konsep khalifah, serta tanggungjawab pemerintah dalam menegakkan keadilan dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar. HKP turut memperlihatkan penggunaan istilah dan konsep hukum syarak seperti *ḥadd*, *qiṣāṣ* dan *diyāt*, yang menunjukkan pengaruh perundangan Islam yang jelas dalam sistem hukum Pahang pada ketika itu.

Selain aspek substantif, Hukum Kanun Pahang (HKP) turut memperlihatkan unsur prosedur kehakiman melalui proses perbicaraan, pendengaran keterangan serta peranan hakim dalam memutuskan sesuatu pertikaian. Walaupun belum menunjukkan kewujudan profesion peguam syarie secara formal seperti hari ini, keadaan tersebut mencerminkan unsur perwakilan, penghujahan dan pembelaan dalam tradisi kehakiman Islam Pahang. Perkembangan ini kemudiannya beralih kepada sistem perundangan moden melalui penggubalan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Peraturan-Peraturan Peguam Syarie Negeri Pahang 1995 yang menjadi asas kepada kemasukan dan

pengawalseliaan profesion peguam syarie, dengan MUIP memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pemerkasaannya.

Fiqh al-Watan sebagai Kerangka Analisis

Fiqh al-Waṭan merupakan gagasan yang menghubungkan prinsip syariah dengan realiti masyarakat, institusi, adat dan identiti watan. Di Pahang, gagasan ini dipelopori oleh Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM), sebuah institusi di bawah MUIP, berteraskan Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kesultanan dan adat resam. *Fiqh al-Waṭan* menggabungkan peranan manusia sebagai hamba Allah melalui ilmu-ilmu asas fardu ain merangkumi tauhid, *fiqh* dan tasawuf dan sebagai khalifah Allah melalui fardu kifayah merangkumi aspek kesultanan, adat resam dan alam sekitar), bagi mencapai kedaulatan, kerukunan dan kelestarian (IIDM), 2026).

Kajian oleh Kamil et al. (2025) menjelaskan perkembangan *Fiqh al-Waṭan* di Pahang melalui integrasi wahyu, akal dan budaya tempatan sebagai asas epistemologi Islam setempat. Kajian tersebut turut menempatkan Hukum Kanun Pahang sebagai manifestasi penting perkembangan tradisi hukum Islam yang berinteraksi dengan realiti sosio-politik masyarakat Melayu-Islam.

Dapatan ini diperkukuh oleh Yusof et al. (2026) yang menunjukkan bahawa *Fiqh al-Waṭan* dalam tradisi Melayu bersifat kontekstual, menyeluruh dan seimbang, merangkumi bukan sahaja aspek hukum tetapi juga aspek pemerintahan menurut Islam dan pembentukan masyarakat yang beretika. Sementara itu, Sukri et al. (2026) memperluaskan konsep tersebut kepada dimensi kenegaraan melalui aspek mencintai negara, institusi kesultanan, adat resam dan pemeliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, literatur semasa menunjukkan bahawa *Fiqh al-Waṭan* Pahang bukan sekadar konsep kecintaan terhadap negeri, tetapi merupakan kerangka fiqh yang menyeluruh dengan menghubungkan aspek akidah, syariah, akhlak, autoriti pemerintahan, institusi agama, sejarah dan realiti masyarakat setempat**.** Perkembangan ini memberikan asas teoritikal untuk meneliti peranan institusi agama negeri, termasuk MUIP, dalam penginstitusian dan pengawalseliaan profesion peguam syarie di Pahang.

Dalam konteks Pahang, hubungan *Fiqh al-Waṭan* dengan profesion peguam syarie dapat dianalisis melalui tonggak kesultanan sebagai asas autoriti dan tadbir urus hal ehwal Islam negeri. Sultan sebagai Ketua Agama Islam negeri mempunyai kedudukan utama dalam struktur pentadbiran Islam, manakala Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) berperanan sebagai institusi utama yang membantu mengurus dan mentadbir hal ehwal Islam serta adat resam Melayu Pahang. Dalam kerangka ini, MUIP menjadi penghubung antara autoriti Kesultanan dengan pelaksanaan tadbir urus syariah, termasuk pengawalseliaan profesion peguam syarie.

Kedudukan tersebut dapat dilihat melalui seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [Enakmen No. 3 Tahun 1991], yang memberikan kuasa kepada MUIP untuk menerima orang Islam yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hukum syarak sebagai peguam Syarie. Subseksyen 66(2) turut membolehkan MUIP, dengan kelulusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan berkaitan tatacara, kelayakan dan fi penerimaan serta mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan peguam syarie.

Oleh itu, dari perspektif *Fiqh al-Waṭan*, profesion peguam syarie merupakan sebahagian daripada ekosistem tadbir urus syariah negeri yang berasaskan autoriti Kesultanan dan dilaksanakan melalui institusi MUIP. Peranan MUIP dalam penerimaan dan pengawalseliaan peguam syarie memperlihatkan manifestasi *siyāsah syarʻiyyah* dalam konteks tempatan, manakala peguam syarie berfungsi sebagai pelaksana keadilan syariah yang tertakluk kepada nilai amanah, integriti, kompetensi dan kemaslahatan masyarakat.

Dalam kajian ini, *Fiqh al-Waṭan* digunakan sebagai kerangka analisis untuk menilai struktur dan tadbir urus MUIP dalam pengawalseliaan profesion peguam syarie di Pahang berdasarkan enam unsur utama, iaitu kesultanan dan autoriti, institusi agama dan tadbir urus, syariah, akhlak dan amanah, adat serta konteks watan, dan kemaslahatan masyarakat. Unsur-unsur tersebut digunakan untuk menilai kedudukan dan autoriti MUIP, struktur serta mekanisme pengawalseliaan, keselarasan dengan prinsip syariah, nilai etika dan integriti, kesesuaian dengan adat serta konteks Pahang, dan orientasi terhadap kemaslahatan masyarakat. Melalui kerangka ini, struktur MUIP dinilai secara menyeluruh bagi menentukan sejauh mana tadbir urus dan pengawalseliaan profesion peguam syarie mencerminkan prinsip *Fiqh al-Waṭan.*

Maqāṣid al-Syarīʻah dalam Tadbir Urus Institusi

Perbincangan mengenai *Maqāṣid al-Syarīʻah* dalam tadbir urus institusi perlu dimulakan dengan memahami konsep dan takrifnya serta penerapannya dalam konteks tadbir urus. Menurut Ibn Asyur (2014), *maqāṣid al-syarīʻah* merujuk kepada makna dan hikmah yang diberikan perhatian oleh Allah SWT dalam keseluruhan atau sebahagian besar pensyariatan hukum. Al-Khadimi (1998) pula mentakrifkan *maqāṣid* sebagai makna yang terkandung dalam hukum-hukum syarak dan natijah yang terhasil daripadanya, sama ada berbentuk hikmah khusus, kemaslahatan menyeluruh atau ciri-ciri umum. Keseluruhan makna tersebut terangkum dalam tujuan merealisasikan pengabdian kepada Allah SWT dan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat.

Kajian Rahman (2015) memberikan asas sejarah bahawa *Maqāṣid al-Syarīʿah* telah diterapkan dalam keputusan politik dan pentadbiran sejak zaman *Khulafāʾ al-Rāsyidīn.* Melalui analisis terhadap beberapa keputusan para khalifah, kajian menunjukkan bahawa tindakan pemerintah boleh berubah mengikut keadaan apabila perubahan tersebut bertujuan mencapai maslahat dan mengelakkan mafsadah. Hal ini memperlihatkan bahawa *siyasah syarʿiyyah* mempunyai sifat dinamik, manakala *Maqāṣid al-Syarīʿah* berfungsi sebagai parameter bagi memastikan keputusan pemerintah kekal selaras dengan tujuan syariah.

Selain itu, kajian Saat et al. (2019) memperluaskan aplikasi tersebut kepada konsep urus tadbir. Lima keperluan asas *Maqāṣid al-Syarīʿah*, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta, memerlukan sistem pentadbiran yang amanah, cekap dan berintegriti. Kajian ini menegaskan bahawa urus tadbir yang baik bukan sekadar berkaitan kecekapan pentadbiran, tetapi mesti mampu memenuhi keperluan manusia, mencegah kerosakan dan menjamin kemaslahatan awam. Prinsip fiqh "tindakan pemerintah terhadap rakyat bertitik tolak di atas kemaslahatan" menjadi asas penting dalam menghubungkan kuasa pentadbiran dengan tanggungjawab terhadap kepentingan rakyat.

Dalam konteks institusi khusus, kajian Yusoff & Mokhtar (2021) menunjukkan bahawa *Maqāṣid al-Syarīʿah* boleh diterjemahkan melalui instrumen penilaian dan indikator tadbir urus,

khususnya dalam pentadbiran zakat. Keperluan terhadap indeks maqasid timbul daripada isu ketidakseimbangan kutipan, aduan berkaitan agihan dan tahap kepercayaan masyarakat. Dapatan ini menunjukkan bahawa maqasid bukan hanya konsep abstrak, tetapi boleh diterjemahkan kepada mekanisme akauntabiliti, pengukuran prestasi dan peningkatan kepercayaan masyarakat.

Kajian oleh Abd Razak et al. (2026) membincangkan integrasi *Maqāṣid al-Syarīʿah* dan *Fiqh al-Waṭan* dalam tadbir urus Islam di Pahang, dengan maqasid sebagai landasan syariah dan *Fiqh al-Waṭan* sebagai kerangka kontekstual berdasarkan realiti tempatan. Integrasi ini membentuk tadbir urus yang seimbang dari aspek nilai, struktur dan fungsi. Kajian turut mencadangkan *Key Maqāṣid Governance Indicators* (KMGI) sebagai instrumen untuk menterjemahkan lima objektif utama maqasid iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta kepada indikator tadbir urus yang boleh diukur. Antaranya meliputi integriti, keselamatan, pendidikan, kesejahteraan sosial, ketelusan kewangan dan keadilan ekonomi, sekali gus menjadikan maqasid sebagai kerangka penilaian tadbir urus secara kuantitatif dan kualitatif.

Secara keseluruhannya, literatur menunjukkan perkembangan pemikiran *Maqāṣid al-Syarīʿah* daripada prinsip hukum kepada asas keputusan pemerintah, seterusnya prinsip tadbir urus dan instrumen penilaian prestasi institusi. Perkembangan ini menunjukkan peralihan daripada pendekatan teori kepada aplikasi institusi dan pentadbiran. Dalam konteks Pahang, perkembangan tersebut membuka ruang untuk mengintegrasikan *Maqāṣid al-Syarīʿah* dan *Fiqh al-Waṭan* dalam menilai tadbir urus MUIP.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Asas Perundangan dan Kedudukan MUIP dalam Pengawalseliaan Profesion Peguam Syarie

Profesion Peguam Syarie di Negeri Pahang mempunyai asas perundangan yang jelas melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, khususnya peruntukan berkaitan Peguam Syarie yang kemudiannya diperkukuh melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2015 [Enakmen A49]. Enakmen A49 merupakan undang-undang yang meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 dan telah diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri Pahang serta diperkenankan oleh Sultan Pahang.

Seksyen 66 sebagai asas kuasa MUIP

Peruntukan paling utama dalam menentukan kedudukan MUIP terhadap profesion peguam syarie ialah seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Subseksyen 66(1) memperuntukkan bahawa MUIP boleh menerima mana-mana orang Islam yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang hukum syarak untuk menjadi peguam syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di mahkamah syariah.

Peruntukan ini memberikan kepada MUIP autoriti dalam menentukan kemasukan seseorang ke dalam profesion peguam syarie. Dengan kata lain, seseorang tidak hanya berperanan sebagai peguam syarie berdasarkan kelayakan akademik semata-mata, tetapi penerimaan masuk ke dalam profesion tertakluk kepada kuasa dan mekanisme yang ditetapkan oleh MUIP. Kedudukan ini menunjukkan bahawa MUIP mempunyai fungsi penting dalam memastikan hanya individu yang berkelayakkan dapat mewakili pihak-pihak dalam kes mereka di mahkamah syariah.

Lebih signifikan, subseksyen 66(2) memberikan kuasa kepada MUIP, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, untuk membuat peraturan-peraturan berkaitan profesion tersebut. Kuasa ini merangkumi dua aspek utama, iaitu:

1. memperuntukkan tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan peguam syarie;
2. mengawal selia, mengawal dan mengawasi kelakuan peguam syarie.

Berdasarkan peruntukan tersebut, kedudukan MUIP dapat dilihat melangkaui fungsi pentauliahan semata-mata. MUIP mempunyai kuasa kawal selia yang merangkumi aspek kemasukan peguam syarie, penetapan standard kelayakan serta pengawasan terhadap kelakuan profesional peguam syarie. Dengan demikian, seksyen 66 membentuk asas statutori kepada peranan MUIP sebagai institusi pengawal selia profesion peguam syarie di Negeri Pahang.

Pada masa yang sama, subseksyen 66(5) memperuntukkan bahawa, tertakluk kepada pengecualian tertentu yang dinyatakan dalam subseksyen 66(3), tiada individu lain selain peguam syarie atau orang yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut berhak hadir bagi mewakili mana-mana pihak dalam prosiding di Mahkamah Syariah. Peruntukan ini memperkukuh kepentingan sistem penerimaan dan pentauliahan peguam syarie kerana status sebagai peguam syarie mempunyai implikasi langsung terhadap hak bagi mewakili seseorang di mahkamah syariah.

Oleh itu dari perspektif perundangan, seksyen 66 meletakkan MUIP sebagai institusi yang mempunyai tiga bentuk kuasa utama, iaitu kuasa menerima masuk, kuasa membuat regulasi dan kuasa mengawal serta mengawasi kelakuan peguam syarie.

Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 dan Pindaan 2017

Kuasa yang diberikan melalui seksyen 66 kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk peraturan melalui Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995. Peraturan tersebut seterusnya diperkukuh melalui Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2017. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang menyenaraikan pindaan tahun 2017 tersebut sebagai salah satu instrumen perundangan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

Pindaan 2017 memberikan penekanan khusus terhadap fungsi Jawatankuasa Peguam Syarie. Berdasarkan peraturan 7 yang digantikan, Jawatankuasa mempunyai fungsi untuk mengadakan kursus, temu duga dan peperiksaan Sijil Peguam Syarie. Selain itu, mengesyorkan kepada MUIP pemohon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai peguam syarie. Jawatankuasa juga berperanan mengesyorkan pembatalan atau penggantungan Sijil Peguam Syarie atau Sijil Amalan Tahunan serta mengawal selia tatatertib peguam syarie.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kuasa MUIP bukan sekadar berkaitan penerimaan seseorang sebagai peguam syarie, tetapi turut meliputi mekanisme penilaian kompetensi dan pengawasan profesional. Jawatankuasa diberi ruang untuk menyediakan silibus kursus, soalan peperiksaan, skim pemarkahan serta menanda dan menilai skrip peperiksaan. Hal ini memperlihatkan kewujudan suatu mekanisme institusi bagi memastikan calon yang diterima masuk mempunyai tahap pengetahuan dan kompetensi yang bersesuaian dengan keperluan profesion.

Dalam konteks ini, struktur pengawalseliaan MUIP boleh dilihat mempunyai unsur pembangunan profesional, kawalan kualiti dan pengawasan tatatertib. Fungsi tersebut penting kerana profesion Peguam Syarie mempunyai hubungan langsung dengan pentadbiran keadilan di mahkamah syariah.

Pengukuhan struktur pengawalseliaan melalui Pindaan 2020

Kerangka pengawalseliaan tersebut kemudiannya diperkukuh melalui Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2020. Pindaan ini memperincikan komposisi Jawatankuasa yang dilantik oleh MUIP yang terdiri daripada Pengerusi, Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya, Ketua Hakim Syarie atau wakilnya, Ketua Pendakwa Syarie atau wakilnya, Ketua Pegawai Eksekutif, seorang peguam syarie daripada persatuan yang mewakili Peguam Syarie Pahang serta anggota lain yang dilantik. Kerangka perundangan Pahang juga terus menunjukkan perkembangan pindaan terhadap undang-undang pentadbiran Islam melalui warta negeri.

Komposisi tersebut memperlihatkan bahawa pengawalseliaan profesion peguam syarie melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam ekosistem perundangan syariah. Keterlibatan pihak kehakiman, pendakwaan, perundangan, pentadbiran dan wakil profesion menunjukkan bahawa pengurusan profesion tidak diletakkan semata-mata dalam perspektif pentadbiran, tetapi mengambil kira keperluan sistem kehakiman dan profesion secara lebih menyeluruh.

Pindaan 2020 juga telah memperincikan kelayakan seseorang peguam syarie. Antara syarat yang ditetapkan ialah pemohon tersebut mestilah beragama Islam, warganegara Malaysia, berkelakuan baik, tidak mempunyai sabitan kesalahan tertentu, tidak bankrap, tidak hilang kelayakan atau digantung sebagai peguam bela dan peguam cara serta memenuhi kelayakan akademik yang ditetapkan. Pemohon tertentu turut dikehendaki menjalani latihan dalam kamar selama enam bulan di firma guaman syarie sebelum diterima masuk sebagai peguam syarie.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa kerangka pengawalseliaan MUIP turut memberi perhatian kepada kompetensi akademik, integriti dan pengalaman praktikal. Dengan itu, kawal selia profesion tidak hanya bertujuan menentukan siapa yang boleh memasuki profesion, tetapi juga memastikan individu yang diterima mempunyai ciri-ciri asas yang diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai peguam syarie.

Kedudukan MUIP sebagai institusi pengawal selia

Berdasarkan keseluruhan peruntukan tersebut, dapat dirumuskan bahawa kedudukan MUIP dalam pengawalseliaan profesion peguam syarie di Negeri Pahang dibentuk melalui hierarki perundangan yang saling melengkapi. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, khususnya seksyen 66 merupakan punca kuasa kepada MUIP bagi melaksanakan fungsinya. Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 pula menyediakan mekanisme pelaksanaan kuasa tersebut, manakala pindaan tahun 2017 dan 2020 memperincikan fungsi Jawatankuasa, mekanisme penilaian serta syarat kelayakan dan struktur pengurusan profesion.

MUIP mempunyai kedudukan yang strategik dan bersifat statutori dalam ekosistem profesion peguam syarie di Negeri Pahang. Perkembangan peruntukan daripada Enakmen 1991 kepada pindaan 2015 serta peraturan dan pindaan 2017 dan 2020 menunjukkan bahawa kerangka perundangan peguam syarie di Negeri Pahang telah membentuk suatu mekanisme pengawalseliaan yang lebih tersusun.

Dalam konteks kajian ini, kedudukan tersebut penting kerana ia menyediakan asas untuk menilai sejauh mana kuasa statutori MUIP diterjemahkan kepada usaha memperkasa profesion peguam syarie. Aspek tersebut seterusnya menjadi asas kepada perbincangan objektif kedua

khususnya berkaitan kompetensi, integriti dan standard profesional, sebelum dianalisis berdasarkan perspektif *Fiqh al-Watan* dan *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan MUIP dalam memperkasakan profesion Peguam Syarie tidak wajar dilihat hanya dari perspektif pentadbiran pendaftaran, pentauliahan dan pemantauan profesional semata-mata. Sebaliknya, peranan tersebut perlu diletakkan dalam kerangka yang lebih luas iaitu sebagai sebahagian daripada usaha membangunkan profesion perundangan syariah yang berintegriti, kompeten dan berorientasikan keadilan. Dalam konteks ini, *Fiqh al-Watan* memberikan asas konseptual bahawa peguam syarie bukan sekadar wakil litigasi kepada anak guam, tetapi merupakan pemegang amanah yang mempunyai tanggungjawab terhadap undang-undang, institusi kehakiman, masyarakat dan kemaslahatan watan. Pendekatan ini selari dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menjadikan keadilan, kemaslahatan dan pencegahan kemudaratan sebagai antara matlamat utama pelaksanaan syariah.

Peranan Peguam Syarie dalam Merealisasikan Keadilan Berteraskan *Maqāṣid al-Syarī'ah*

Kajian oleh Arsad dan Hussin (2020) meneliti pelanggaran etika peguam syarie di Selangor dari aspek perundangan, prosedur dan penguatkuasaan. Kajian mendapati antara kesalahan utama ialah ketidakhadiran ke mahkamah, pengenaan fi guaman tidak munasabah dan penggelapan wang anak guam yang berpunca daripada kelemahan komunikasi, pengurusan masa, sikap dan ketidakjujuran. Kajian menegaskan bahawa etika peguam syarie bukan sahaja berkaitan pematuhan peraturan, tetapi turut melibatkan amanah, integriti dan imej Islam**.**

Dapatan ini relevan dengan gagasan *Fiqh al-Waṭan,* khususnya elemen adat dan adab yang menekankan pembentukan tingkah laku, nilai dan tanggungjawab selaras dengan identiti serta kepentingan masyarakat setempat. Namun, kajian tersebut belum menghubungkan etika peguam syarie dengan *Fiqh al-Waṭan* serta peranan institusi agama negeri. Dalam konteks Pahang, aspek ini boleh dikaitkan dengan MUIP sebagai badan yang diberi kuasa menerima dan mengawal selia Peguam Syarie di bawah seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991. Justeru, terdapat ruang kajian untuk meneliti peranan MUIP dalam memperkasa profesion peguam syarie melalui penerapan nilai adat, adab, amanah dan integriti berteraskan *Fiqh al-Waṭan.*

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan bahawa pemerkasaan profesion peguam syarie tidak boleh dipisahkan daripada persoalan amanah, integriti dan keadilan. Dalam perspektif *Fiqh al-Watan*, peguam syarie mempunyai tanggungjawab yang lebih luas daripada sekadar mempertahankan kepentingan anak guam. Selain itu, perlu difahami bahawa profesion guaman syarie merupakan satu bentuk amanah yang mempunyai implikasi terhadap individu, keluarga, institusi kehakiman dan masyarakat keseluruhannya.

Justeru, hubungan antara peguam syarie dengan anak guam tidak boleh berasaskan kepentingan anak guam semata-mata, sebaliknya perlu diseimbangkan dengan tanggungjawab terhadap keadilan. Peguam Syarie berkewajipan memberikan pembelaan terbaik berdasarkan undang-undang, namun amanah tersebut tidak membenarkan penipuan, manipulasi fakta, penyembunyian maklumat, penyalahgunaan proses mahkamah atau tindakan yang boleh membawa kepada kezaliman.

Konsep amanah dalam profesion Peguam Syarie dapat dilihat melalui tiga dimensi utama, iaitu amanah kepada anak guam, institusi kehakiman dan keadilan. Ketiga-tiganya perlu dilaksanakan secara seimbang agar fungsi guaman bukan sekadar untuk memenangkan pertikaian, tetapi turut

menjadi instrumen menegakkan hak dan menghindarkan kezaliman. Pendekatan ini selaras dengan tujuan umum syariah iaitu merealisasikan kemaslahatan, memelihara hak dan menolak kemudaratan sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn Asyur (2014), antara tujuan utama syariah ialah menegakkan, memelihara dan menyampaikan hak kepada pihak yang berhak.

Oleh itu, kejayaan peguam syarie tidak wajar diukur berdasarkan kemenangan kes semata-mata, tetapi turut dinilai melalui integriti, kompetensi, pematuhan etika serta sumbangan terhadap keadilan dan kemaslahatan masyarakat. Dengan demikian, profesion peguam syarie dapat berfungsi selaras dengan *maqāṣid al-syarī'ah* melalui pemeliharaan hak, penegakan keadilan dan pencegahan kezaliman.

Sehubungan itu, MUIP mempunyai peranan untuk memperkukuh budaya amanah dan integriti dalam kalangan peguam syarie melalui program kesedaran dan pembangunan profesional yang lebih tersusun. Antara aspek yang boleh diberikan penekanan ialah konflik kepentingan, kerahsiaan maklumat anak guam, integriti dalam pengendalian keterangan, larangan mengelirukan mahkamah, etika komunikasi dengan pihak lawan, adab di mahkamah syariah dan tanggungjawab peguam syarie terhadap pihak yang lemah atau teraniaya.

Melalui pendekatan ini, Peguam Syarie dapat dibentuk sebagai agen keadilan, bukan sekadar agen litigasi. Inilah antara manifestasi penting *Fiqh al-Watan*, iaitu profesion yang berfungsi bukan sahaja untuk memenuhi kepentingan individu ataupun pihak yang terlibat dalam prosiding mahkamah, tetapi turut menyumbang kepada kestabilan sistem perundangan dan kemaslahatan masyarakat dalam sesebuah watan.

MUIP sebagai Institusi Pemerkasaan Kompetensi, Profesionalisme dan Tadbir Urus

Dapatan kajian turut memperlihatkan keperluan untuk memperluaskan peranan MUIP daripada fungsi pentadbiran dan kawal selia kepada fungsi pembangunan profesional dan peningkatan kompetensi peguam syarie. Peranan ini penting kerana perubahan dalam perundangan, teknologi, prosedur kehakiman dan keperluan masyarakat menuntut peguam syarie sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Berdasarkan dapatan kajian ini, satu kerangka *Continuous Professional Development* (CPD) dicadangkan untuk dipertimbangkan oleh MUIP sebagai salah satu mekanisme memperkukuh pembangunan profesional peguam syarie di Negeri Pahang. Kerangka ini boleh dirangka secara lebih tersusun dan berfokus kepada keperluan semasa profesion, merangkumi aspek penguasaan enakmen dan kaedah negeri, kemahiran advokasi dan seni penghujahan, pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas, penyediaan hujahan bertulis, etika dan integriti profesion, pengurusan firma, perkembangan prosedur Mahkamah Syariah serta isu-isu semasa dalam undang-undang Syariah. Di samping itu, skop pembangunan profesional boleh diperluaskan kepada aspek teknologi perundangan, termasuk penggunaan kecerdasan buatan secara beretika dalam amalan guaman.

Pendekatan ini penting kerana kompetensi peguam syarie merupakan sebahagian daripada amanah terhadap masyarakat. Kelemahan ilmu, kemahiran atau integriti bukan sahaja memberi kesan kepada anak guam, bahkan boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap institusi Mahkamah Syariah dan keseluruhan sistem pentadbiran keadilan Islam. Oleh itu, peningkatan kompetensi peguam syarie mempunyai hubungan langsung dengan prinsip *maṣlaḥah* dan menolak kemudaratan dalam *Maqāṣid al-Syarī'ah*.

Cadangan Pendigitalan Tadbir Urus Peguam Syarie

Berdasarkan analisis kandungan terhadap peruntukan perundangan, dokumen MUIP dan perkhidmatan berkaitan Peguam Syarie, kajian mendapati bahawa tadbir urus profesion melibatkan aspek pendaftaran, pentauliahan, pemantauan profesional, penyampaian maklumat dan pembangunan kompetensi. Dapatan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh tadbir urus melalui pendekatan digital yang lebih sistematik, khususnya dalam pengurusan maklumat, pemantauan status tauliah dan mekanisme maklum balas.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pembangunan Sistem Bersepadu Peguam Syarie Negeri Pahang sebagai pusat sehenti digital bagi memperkukuh pengurusan dan tadbir urus profesion Peguam Syarie. Sistem ini dicadangkan bukan sekadar sebagai medium penyampaian maklumat, tetapi turut berfungsi sebagai instrumen pemantauan, penilaian prestasi dan penambahbaikan perkhidmatan. Sistem tersebut boleh merangkumi tiga fungsi utama:

1. **Pangkalan Data Peguam Syarie Pahang**
   Menyediakan senarai peguam syarie yang mempunyai tauliah, termasuk status pendaftaran, tempoh sah tauliah dan maklumat berkaitan untuk rujukan pihak berkepentingan.
2. **Pusat Rujukan Perundangan dan Profesional**
   Menyediakan akses berpusat kepada enakmen, kaedah, peraturan, garis panduan, pekeliling dan maklumat berkaitan amalan peguam syarie bagi memastikan rujukan perundangan yang tepat, terkini dan mudah dicapai.
3. **Perkhidmatan Digital dan Pemantauan Kualiti**
   Perkhidmatan digital ini merangkumi permohonan dan pembaharuan tauliah, semakan status permohonan, pembayaran fi, notifikasi tamat tempoh tauliah serta penyampaian maklumat rasmi. Fungsi ini juga boleh dilengkapi dengan Sistem Pemantauan Kepuasan Peguam Syarie berasaskan model *Service Performance* (SERVPERF) bagi menilai persepsi pengguna terhadap kualiti perkhidmatan MUIP.

SERVPERF dipilih kerana model ini menilai kualiti perkhidmatan berdasarkan pengalaman sebenar Peguam Syarie ketika berurusan dengan MUIP, termasuk aspek pendaftaran, tauliah, pembayaran, penyampaian maklumat dan perkhidmatan digital. Demensi ini juga boleh diaplikasikan mengikut konteks pengawalseliaan profesion Peguam Syarie bagi membentuk aspek penilaian yang bersesuaian iaitu kecekapan, ketepatan, kebolehpercayaan, tindak balas dan kualiti interaksi perkhidmatan. Oleh itu, SERVPERF sesuai dijadikan asas bagi pemantauan berterusan terhadap prestasi perkhidmatan MUIP daripada perspektif Peguam Syarie.

Model SERVPERF telah digunakan dalam pelbagai konteks perkhidmatan di Malaysia. Melalui kajian Baharun (2003), pengaplikasian instrumen SERVPERF dan SERVQUAL adalah untuk mengukur tahap serta faktor yang mempengaruhi kepuasan pengguna di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa kepuasan pengguna meningkat apabila mereka melihat perubahan yang signifikan terhadap penyampaian perkhidmatan dan produk selepas pelaksanaan pensijilan ISO 9000. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengukuran persepsi pengguna terhadap prestasi perkhidmatan dapat membantu organisasi menilai keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan.

Selain itu, Dali et al. (2014) menggunakan SERVPERF untuk menilai kualiti perkhidmatan dalam sektor kewangan, manakala Abidin et al. (2019) mengadaptasi model tersebut dalam konteks perkhidmatan fasiliti di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini dapat memperlihatkan bahawa SERVPERF sesuai digunakan untuk menilai prestasi perkhidmatan berdasarkan persepsi pengguna, mengenal pasti kelemahan penyampaian perkhidmatan dan menyediakan asas kepada penambahbaikan berterusan. Berdasarkan dapatan kajian ini, model SERVPERF boleh diaplikasikan bagi membangunkan Sistem Pemantauan Kepuasan Peguam Syarie terhadap Perkhidmatan MUIP dengan lima demensi iaitu aspek fizikal perkhidmatan, kebolehpercayaan, responsif, jaminan dan empati. Demensi ini dinilai untuk keberkesanan urusan pendaftaran, penerimaan masuk, pembaharuan tauliah, penyampaian maklumat yang tepat, pengendalian aduan serta komunikasi MUIP dengan peguam syarie.

Pelaksanan ini dinilai secara berkala atau masa nyata bagi mengenal pasti tahap kepuasan, trend prestasi dan aspek yang memerlukan intervensi. Data tersebut seterusnya boleh menjadi asas *evidence-based governance* untuk membantu MUIP membuat keputusan, menetapkan keutamaan penambahbaikan dan memantau keberkesanan tindakan yang dilaksanakan. Melalui tadbir urus, sistem ini berpotensi memperkukuh ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan responsiviti MUIP, di samping menyediakan akses yang lebih sistematik kepada maklumat perundangan dan profesional. Pangkalan data yang tersusun juga dapat membantu MUIP memantau perkembangan profesion serta menyokong peningkatan kompetensi dan profesionalisme peguam syarie.

Dalam kerangka *Maqāṣid al-Syarīʿah* dan *Fiqh al-Waṭan*, pembangunan sistem ini bukan sekadar inovasi teknologi, tetapi merupakan instrumen tadbir urus berorientasikan kemaslahatan. Ia menghubungkan teknologi, institusi dan profesionalisme bagi menyokong pemerkasaan peguam syarie, meningkatkan kualiti perkhidmatan keadilan syariah dan memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap institusi agama khususnya di negeri Pahang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pemerkasaan profesion peguam syarie di Pahang berteraskan empat dimensi utama, iaitu perundangan dan pengawalseliaan, amanah, etika dan keadilan, kompetensi dan profesionalisme, serta tadbir urus dan pendigitalan. Keempat-empat dimensi ini membentuk kerangka pemerkasaan yang mengintegrasikan prinsip *Fiqh al-Waṭan* dan *Maqāṣid al-Syarīʿah* dengan fungsi tadbir urus MUIP bagi melahirkan peguam syarie yang berilmu, berintegriti, kompeten dan berorientasikan keadilan serta kemaslahatan masyarakat. Dalam kerangka ini, *Fiqh al-Waṭan* memberikan landasan untuk memahami tanggungjawab profesional dalam konteks institusi dan masyarakat setempat, manakala *Maqāṣid al-Syarīʿah* memperkukuh orientasi terhadap amanah, keadilan dan kemaslahatan. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa peranan MUIP tidak terbatas kepada pentauliahan dan pengawalseliaan, bahkan mempunyai ruang untuk diperkukuh melalui pembangunan kompetensi berterusan, pengukuhan etika dan integriti profesional serta pendigitalan tadbir urus. Sehubungan itu, pembangunan Sistem Bersepadu Peguam Syarie Negeri Pahang dan pemantauan kualiti perkhidmatan berasaskan SERVPERF dicadangkan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti pengawalseliaan. Pendekatan ini berpotensi memperkukuh profesion peguam syarie yang berwibawa, berkualiti dan diyakini masyarakat, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan ekosistem keadilan syariah di Pahang.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada sebarang konflik kepentingan dalam artikel ini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) di bawah Geran Penyelidikan Industri Tahap Kepuasan Peguam Syarie Terhadap Perkhidmatan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang [RIG-UNIQSAAS-2026-03].

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Abdul Halim Abdul Karim (Idea penulisan, metodologi dan penyediaan draf manuskrip)
Nurul Syuhadah Azalan (Metodologi, pemformatan dan semakan manuskrip)
Nur Bahirah Baharum (Pengumpulan data dan penambahbaikan manuskrip)
Nurul Nadia Brahanuddin (Analisis kandungan dan penyusunan data)
Nurul Athirah Mohd Azmi (Pengumpulan data dan pemformatan)

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh melalui permohonan kepada penulis yang bertanggungjawab untuk dihubungi (*corresponding author*).

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

(IIDM), I. I. D. M. (2026). *Kuliah 1: Pengenalan Fiqh Al-Watan*. Institut Ilmu Darul Makmur (IIDM). https://www.iidmmuip.com/berita-iidm/kuliah-1-pengenalan-fiqh-al-watan-fiqh-al-watan-didefinisikan-sebagai/

Abd Razak, M. I., & Kamil, I. M. M. (2026). Pendekatan Maqasid al-Shari ‘ah dalam Tadbir Urus Islam Berasaskan Fiqh al-Watan di Negeri Pahang. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, *9*(1), 187–200.

Al-Khadimi, N. M. (1998). *al-Ijtihad al-Maqasidi Hujjiyatuhu Dhawabithuhu Majalatuhu Juz Pertama* (Cetakan 1). Wizarah al-Auqhof Wa al-Syu’un al-Islamiyyah, Qatar.

Arsad, M. I., & Hussin, M. N. M. (2020). Pelanggaran Etika Peguam Syarie: Kajian Di Negeri Selangor: Syarie Lawyers’ Ethical Violations: A Study in State of Selangor. *Journal of Shariah Law Research*, *5*(1), 55–74.

Bakar, M. Z. A. (2003). Isu-isu peguam syarie di Malaysia. *Jurnal Syariah*, *11*(2), 109–132.

Bin Yusoff, A. S., & Mokhtar, R. Bin. (2021). Keperluan Pematuhan Indeks Al-Maqasid Syariah Bagi Institusi Zakat di Malaysia. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*, *1*(2), 105–122.

Dahalan, H. M., Mohiddin, M. N. H., Abd Rahman, M. R., & Dahlan, N. K. (2020). Peguam Syarie di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, Jilid*, *25*.

Dahalan, H. M., Wahab, N. A., & Salam, N. Z. M. A. (2022). Pemerkasaan Urus Tadbir Jawatan Kuasa Peguam Syarie dalam Amalan Pendaftaran Firma Guaman Syarie di Malaysia: Administrative Empowerment of Syarie Lawyer Commmittee Positions in The Practice of Syarie

Legal Firm Registration In Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, *5*(2), 164–176.

Dimon, Z. (2023). Peranan Raja-Raja Melayu Sebagai Ketua Agama Islam Negeri Dalam Konteks Perundangan Di Malaysia: Analisis Terhadap Isu Pengurusan Masjid Dan Zakat Di Selangor:(The Role Of The Malay Rulers As The State Islamic Custodian In The Legal Context In Malaysia: A. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 51–63.

El-Muhammady, A. H., & Ab Halim, A. H. (2019). *Qanun PahangZaman Pemerintahan Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Shah (1592-1614M)* (cetakan 1). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn Asyur, M. T. (2014). *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah* (Cetakan 6). Dar al-Salam Lil al-Tiba'ah Wa Al-Nashr Wa al-Tauzi' Wa Al-Tarjamah.

Kamil, I. M. M., Yusof, A., Muhammad, A., & Rahim, R. A. A. (2025). Perkembangan Teori Fiqh Al-Watan Di Negeri Pahang: Satu Pemerhatian Epistemologikal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, *3*(3). https://ejournal.usm.my/ijwcps/article/view/5098

MUIP. (n.d.). *Punca Kuasa Penubuhan*. MUIP. Retrieved August 18, 2026, from https://muip.gov.my/info-korporat/punca-kuasa-penubuhan/?utm_source=chatgpt.com

Nasohah, Z. (2004). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia: sebelum dan menjelang merdeka* (Terbitan P). Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Nasohah, Z. (2012). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia, Peruntukan Akta dan Enakmen* (Cetakan 1). Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Nurul Farhanah Yahya, Zulfah Salam, Hammad Mohamad Dahalan, M. A. Y. (2020). Analisis Syarat Kelayakan Peguam Syarie Menurut Islam Dan Perundangan Di Malaysia (Analysis Of Syarie Lawyer Qualification Requirements According To Islam And Legislation In Malaysia). *Current Legal Issues (CLI)*, *Vol 2 (202*, 101–112. https://ejournal.ukm.my/cli/article/view/89181

Rahman, M. Z. A. (2015). Aplikasi Maqasid al-Syariâ€˜ ah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam. *Jurnal Fiqh*, *12*, 29–56.

Rosaidi, F. N. T. I., Haris, A. H., & Nasir, M. N. M. (2026). Penubuhan dan Sumbangan Majlis Agama Islam di Negeri-Negeri Melayu Prakemerdekaan, 1915-1957: The Establishment and Contributions of Islamic Religious Councils in the Malay States Before Independence, 1915–1957. *Journal of Al-Tamaddun*, *21*(2), 15–34.

Rosele, M. I., Abd Rahim, R. A., & Ali, W. Z. K. W. (2018). Peranan sultan dalam perkembangan Islam di negeri Pahang. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, *29*(1), 51–77.

Saat, R. A., Ibrahim, I., Salleh, N. M., & Zuber, N. A. (2019). Maqasid Syariah dalam Urus-Tadbir. *Makalah Seminar, International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, 23–24.

Sukri, N. A., Nadzri, N., Lot, N., Sukri, S. J. M., & Zulkefli, A. L. (2026). Fiqh al-Watan: Satu Pendekatan Berteraskan Tradisi Ilmu dan Kenegaraan [Fiqh al-Watan: An Approach Based on the Tradition of Islamic Knowledge and Statecraft]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, *9*(1), 45–54.

Yusof, A., Kamil, I. M. M., Muhammad, A., Sarkam, M. K. A. M., & Rahim, R. A. A. (2026). Sifat dan Konstruk Fiqh al-Watan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Analisis Literatur. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, *4*(4).

Yusoff, Z. B. M., Salleh, H. M., Muda, T. F. M. B. T., Hussin, M. N. M., Mokhtar, S. M. B. M., & Supian, B. H. B. M. (2025). Sharia and Islamic Law in the State Of Pahang: Development and Historical Experience. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *Vol 15,*(Issue 12), 255–266. https://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v15-i12/27071